

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JULAI 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5

Negara rugi jika tidak realisasi KXP

Projek di Kulim boleh jadi lapangan terbang kargo terbesar Asia Pasifik

Negara rugi jika tidak realisasi KXP

Oleh JAMLIH ABDULLAH

ALOR SETAR – Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md. Nor menjelaskan bahawa Malaysia terlepas peluang untuk memiliki pusat kargo terbesar di Asia Pasifik sekiranya pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) tidak direalisasikan.

Menurut beliau, pembangunan pusat kargo yang sama kini dirancang di Kualanamu, Sumatera, Indonesia.

"Jika tidak rebut peluang ini, negara jiran kita sedang bergerak ke situ. Kalau pusat kargo ini tidak dibawa ke Kedah, maka satu pusat kargo terbesar di Asia Pasifik akan ada di Indonesia, Kualanamu, Sumatera," katanya ketika berucap pada program Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) Negeri Kedah di sini semalam.

Turut hadir Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Terdahulu pada sesi libat urus itu, Muhammad Sanusi mengambil kesempatan menjelaskan tentang kepentingan KXP kepada penduduk Kedah khususnya.



MUHAMMAD SANUSI (kanan) mengiringi Rafizi (kiri) pada Majlis Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal RMK12 bersama Kerajaan Negeri Kedah di Alor Setar semalam. – SHAHIR NOORDIN

"Bagaimanapun, kerajaan ne-

geri turut berharap agar pembangunan Kedah Aerotropolis diberi perhatian secara kese-

luruhannya termasuk cadangan pembangunan KXP yang merupakan komponen utama bagi

pembangunan tersebut.

"KXP dirancang sepenuhnya untuk dibangunkan sebagai sebuah lapangan terbang kargo bukan lapangan terbang berasas penumpang. Saya sudah jelaskan ini 100 kali," katanya berseloroh.

Sementara itu, Rafizi berkata, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai masalah untuk meluluskan projek tersebut sekiranya syarikat terlibat menunjukkan kemampuan kewangan bagi jangka masa panjang.

"Kalau tidak, ia akan jadi beban pada masa hadapan. Jadi, (ia) pandangan yang saya beri secara terbuka kepada kerajaan negeri juga. Saya faham pandangan-pandangan dan projek-projek yang kerajaan negeri tumpukan termasuklah KXP dan lain-lain.

"Pandangan yang saya berikan itu terbuka tapi tumpuan saya nanti ialah untuk memastikan projek-projek ini akan berjaya mencapai kemampuan kewangan supaya ia dapat berfungsi secara swasta dengan baik tanpa memerlukan tanggungan baik kerajaan negeri atau Pusat pada masa akan datang," katanya.